

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN  
**DARIPADA** : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ]

**SOALAN NO. 265**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) statistik kadar keciciran pelajar di Petaling Jaya, di Selangor serta di peringkat kebangsaan dan usaha Kerajaan untuk memantau golongan ini; dan
- b) langkah-langkah Kerajaan untuk mengembalikan mereka ke sekolah atau pun kolej vokasional.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2018, statistik murid cicir di negeri Selangor peringkat sekolah rendah adalah sebanyak 0.06 peratus. Manakala bagi sekolah menengah pula adalah sebanyak 1.74 peratus. Di peringkat kebangsaan, peratus murid cicir di peringkat sekolah rendah adalah 0.15 peratus dan 1.21 peratus di peringkat sekolah menengah. Hal ini menunjukkan peratus murid cicir di negeri Selangor adalah di bawah peratusan keciciran peringkat kebangsaan.

Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membendung isu keciciran murid. Inisiatif Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas diwujudkan dengan tujuan meningkatkan enrolmen murid pelbagai peringkat persekolahan serta menangani masalah keciciran di sekolah. Inisiatif ini terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh KPM untuk meningkatkan kadar penyertaan murid atau mengembalikan mereka ke sekolah atau termasuk ke Kolej Vokasional. KPM mewujudkan Inisiatif Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas, dengan tujuan menangani masalah keciciran di sekolah. Inisiatif ini terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Komitmen KPM bagi menangani keciciran termasuklah menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM turut menyediakan pelbagai bantuan seperti pemberian buku teks secara percuma, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah serta menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

Mengambil kira perbezaan kebolehan dan kecenderungan murid di peringkat sekolah menengah, KPM turut menawarkan program yang berasaskan kemahiran bagi menangani isu keciciran dalam kalangan murid, antara program yang diperkenalkan ialah Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA), Program Diploma Vokasional Malaysia dan beberapa program kolaboratif dengan beberapa Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seperti GIATMARA dan WISDEC serta Program Perantisan Sistem Latihan Dual Negara (SLDN) dengan kerjasama Malaysian Investment

Development Authority (MIDA) dan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM).

Terkini, KPM telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan 5 iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC ini telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan oleh pihak sekolah kepada murid berisiko cicir dapat dijalankan dan intervensi yang sesuai dapat diberikan kepada murid berisiko cicir.

Selain itu, GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

RT36/263